

**UCAPAN
YANG MULIA DATO PADUKA
KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
15 FEBRUARI 2000**

15/2/2000

**UCAPAN
YANG MULIA DATO PADUKA
KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
15 FEBRUARI 2000**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Amat Arif Ketua Hakim,
Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Mahkamah Besar

Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama
Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama
Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas kepada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri
Hal Ehwal Dalam Negeri

Para tetamu

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Bagi pihak Jabatan Peguam Negara saya ingin menyampaikan penghargaan kami kepada Yang Amat Arif, Hakim-Hakim dan Majistret-Majistret serta kakitangan Jabatan Kehakiman, pengamal undang-undang persendirian, pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang dan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain kerana kerjasama dan sokongan mereka dalam usaha berterusan kita pada mendukung kedaulatan undang-undang dan memelihara, membisaikan dan menjalankan dengan sewajarnya jentera keadilan kita.

PERUNDANGAN

Pada tahun 1999 beberapa undang-undang yang penting telah diluluskan. Saya ingin menyebut secara ringkas beberapa daripadanya.

Perintah Darurat (Fitnah) telah diluluskan untuk mengkanunkan undang-undang fitnah bertulis dan fitnah lisan yang

merupakan undang-undang untuk melindungi nama baik seseorang di negara ini.

Pindaan terbaru kepada Aturan-Aturan Mahkamah Tinggi, antara lain, memperuntukkan prosedur terperinci bagi persidangan sebelum perbicaraan yang diharapkan akan menggalakkan pihak-pihak dalam kes-kes sivil untuk menyelesaikannya dan dengan yang demikian mengelakkan dalam kes-kes tertentu perbicaraan yang tidak perlu dan mahal.

Kanun Peraturan Jenayah telah juga dipinda pada tahun lalu.

Satu pindaan penting yang ingin saya sebutkan ialah bahawa siasatan permulaan tidak lagi dikehendaki bagi kes-kes rogol. Ini bermakna mangsa-mangsa dalam kes-kes rogol tidak lagi dikehendaki untuk memberi keterangan dua kali dan dengan yang demikian mengelakkan pengalaman pahit memberi keterangan dua kali.

Perintah-Perintah Darurat berhubung dengan perlin-
dungan hak harta intelektual, iaitu, Perintah Darurat (Tanda

Perniagaan), Perintah Darurat (Paten), Perintah Darurat (Hakcipta), Perintah Darurat

(Rekabentuk Perindustrian) dan Perintah Darurat (Rekabentuk Susunatur) yang telah diluluskan bermakna Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah penting untuk memenuhi obligasi antarabangsanya di bawah Perjanjian TRIPS.

Perintah Darurat (Perempuan Bersuami), Perintah Darurat (Penjagaan Kanak-Kanak) dan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) telah diluluskan untuk mengadakan beberapa peruntukan berhubung dengan perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan lain-lain berkaitan dengan kehidupan berkeluarga.

Undang-undang keluarga yang baru ini akan memberikan perlindungan yang lebih baik kepada wanita dan kanak-kanak.

Terdapat undang-undang lain yang telah diluluskan misalnya Perintah Darurat (Akta Agensi Keselamatan), 1999, Perintah Darurat (Kanun Tanah [Strata]), 1999, Perintah Darurat (Wasiat), 1999 dan Perintah Darurat (Kemalangan Maut dan Kecederaan

Diri) Pindaan kepada bab 4. Undang-undang tersebut dicetak dalam Warta Kerajaan.

STATISTIK JENAYAH

Seperti lazimnya di upacara ini, saya ingin merujuk kepada kejadian jenayah di negara ini.

Mengikut statistik yang dikumpulkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei, terdapat 3,085 kes yang dilaporkan pada tahun 1999 berbanding dengan 2,750 pada tahun 1998. 2,484 tangkapan telah dibuat dan 1,426 kes telah diselesaikan. Jumlah kesalahan terhadap orang adalah 401 pada tahun 1999 berbanding dengan 338 pada tahun 1998. Jumlah kesalahan terhadap harta benda adalah 1,281 kes pada tahun 1999 berbanding dengan 1,230 pada tahun 1998.

Statistik lalulintas yang dikumpulkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei menunjukkan bahawa pada tahun 1999 terdapat sejumlah 2,782 kes berbanding dengan 2,692 pada tahun 1998. 45 orang telah mati dalam 41 kemalangan maut berbanding dengan 50 kematian pada tahun 1998.

Pada tahun 1999 sejumlah 558 orang telah ditangkap kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah berbanding dengan 432 pada tahun 1998.

Biro Mencegah Rasuah telah menerima 142 maklumat pada tahun 1999 berbanding dengan 146 pada tahun 1998. 8 orang hadir di mahkamah untuk menghadapi tuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja telah mengendalikan 116 kes berbanding dengan 150 pada tahun 1998 kerana kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kastam. 43 kes berbanding dengan 87 pada tahun 1998 telah dibawa ke Mahkamah dan 11 kes telah dikompaun berbanding dengan 8 pada tahun 1998.

Pihak berkuasa Imigresen telah mendakwa 541 orang pada tahun 1999 berbanding dengan 441 pada tahun 1998.

Jabatan Peguam Negara bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain sedang mengawasi dengan teliti hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah-mahkamah terhadap pesalah-pesalah jenayah. Kita mahu memastikan

hukuman tersebut adalah pencegahan yang mencukupi bagi pesalah-pesalah tersebut. Kita memang menghargai bahawa mahkamah-mahkamah telah bekerja keras dalam tugas mereka yang sukar untuk melaksanakan keadilan, khususnya berlaku adil dan saksama bukan sahaja kepada tertuduh, bahkan juga kepada mangsa-mangsa jenayah. Kita juga telah bekerja keras dalam menjalankan tugas yang sukar pada memelihara undang-undang dan ketenteraman di negara ini. Bersama dengan Mahkamah-Mahkamah kita juga akan terus menggunakan jentera keadilan kita untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam yang telah menikmati tempoh keamanan, kemajuan dan kemakmuran yang berterusan, sentiasa menjadi tempat yang selamat untuk tinggal.

Saya tidak ingin memperkatakan perkara-perkara dasar yang Yang Amat Arif baru saja bangkitkan dalam ucapan Yang Amat Arif. Isu berhubung dengan kuasa untuk mendakwa Kerajaan telah dibincangkan dan diputuskan. Mengenai penubuhan Biro Insurans Motor, perkara tersebut telah dirujuk kepada Kementerian-Kementerian yang berkaitan untuk diambil tindakan selanjutnya oleh mereka.

PENUTUP

Dengan sukacitanya Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya berharap hubungan baik di antara Jabatan saya, Jabatan Kehakiman dan peguam-peguam persendirian akan berterusan untuk selama-lamanya. Kita tentunya akan berjumpa lagi pada Majlis Makan Malam Tahun Undang-Undang yang akan datang.

Bagi pihak Jabatan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah mengatur dan ikut serta dalam upacara ini.

Akhir sekali izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan kepada Yang Arif Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini selamat tahun baru 2000 semoga maju jaya.